

11
B675
MAHATHIR

1976

52

KUANTAN, JULAI 9 (BERNAMA)-- DR. MAHATHIR MOHAMED PETANG INI MENYERU RAKYAT MENGIKIS SANGKAAN IA HAWA KONONNYA KEMISKINAN ADALAH DURUNGAN UTAMA YANG MENARIK SETENGAH ORANG TERPADAYA MENGIKUT AJARAN KOMUNIS.

SANGKAAN ITU KATANYA, TAMBAH-TAMBAH LAGI TIDAK DAPAT DITERIMA KHUSUSNYA OLEH UMAT ISLAM, YANG TIDAK AKAN SANGGUP MENGENEPIKAN UGAMANYA WALAUPUN DIA MISKIN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI BILEK GERAKAN NEGERI DI SINI SETELAH MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN DI PAHANG PETANG INI.

BELIAU MENERANGKAN, ADA JUTAWAN DAN ORANG-ORANG KAYA SERTA GULUNGAN PROFESYONAL YANG TURUT MENGANUT FAHAMAN KOMUNIS DAN INI JELAS MENUNJUKKAN FAKTOR KEMISKINAN INI TIDAK TEPAT SAMA SEKALI.
--BERSAMBUNG 2131/MD

B676

MAHATHIR 2 KUANTAN

MALAH ADA NEGARA-NEGARA DIDUNIA YANG PENDUDUKNYA MISKIN TETAPI TIDAK PULA MENGIKUT FAHAM KOMUNIS, TAMBAH DR. MAHATHIR.

BELIAU SETERUSNYA MENERANGKAN, RANCANGAN MALAYSIA KETIGA MEMANG BUKAN BERMaksud UNTUK MEMBAWA +KEPUASAN+ KEPADA SETIAP RAKYAT DALAM ERTI +MENGISI SAKU-SAKU MEREKA DENGAN WANG.+

TETAPI SEBALIKNYA, RAKYAT BOLEH MENGHARAPKAN +KEPUASAN+ DARI BERTAMBAHNYA PELUANG DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK DIBIDANG PELAJARAN KESIHATAN DAN LAIN-LAIN.

BELIAU MEMUJI DAN BERPUAS HATI ATAS PERSEFAHAMAN ERAT ANTARA PIHAK TENTERA, POLIS DAN AWAM DALAM MEMERANGI ANCAMAN KOMUNIS DI PAHANG.

KERAJAAN NEGERI TELAH PUN MEMAINKAN PERANAN YANG MEMUASKAN DAN MENCUKUPI SERTA MENGURUSKAN HAL-HAL KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN DENGAN BAIK, KATA BELIAU.

MALAM INI, DR. MAHATHIR DAN ISTERI, DR. SITI HASMAH, DI RAIKAN DI MAJLIS JAMUAN DI KEDIAMAN MENTERI BESAR. BELIAU KEMUDIAN MENEMUI PARA PEMIMPIN DAN AHLI-AHLI BARISAN NASIONAL NEGERI SECARA TERTUTUP. --BERNAMA 2137/MD

B677:

MAHATHIR 3 KUANTAN (SAMBUNGAN BERITA 676)

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM ITU, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, KERAJAAN TIDAK PILEH KASIH DALAM MEMBAHAGI-BAHAGIKAN PERUNTUKAN KEPADA NEGERI-NEGERI UNTUK PEMBANGUNAN MASING-MASING DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERI CONTOH BAHAWA NEGERI KEDAH YANG BERPENDUDUK SERAMAI 950,000 ORANG MENDAPAT PERUNTUKAN \$830 JUTA SEDANGKAN PAHANG YANG HANYA BERPENDUDUK 650,000 ORANG PULA MENDAPAT LEBIH \$2,000 JUTA.

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN, KERAJAAN PUSAT BERSEDIA MEMINJAMKAN PARA PEGAWAINYA KEPADA NEGERI-NEGERI YANG KEKURANGAN PEGAWAI BAGI MEMBANTU PROJEK-PROJEK MEREKA.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBAWA KEMAJUAN SECARA SERENTAK DAN INI MUNGKIN MENYEBABKAN TERDAPAT SEGOLONGAN RAKYAT YANG KURANG PUSAT HATI. -- BERSAMBUNG 2305/LK

££

B680:

MAHATHIR 4 KUANTAN

BAGAIMANAPUN, PERUNTUKAN YANG BERTAMBAH DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PERUNTUKAN YANG LALU, ADALAH BUKTI BETAPA GIGIHNYA KERAJAAN HENDAK MEMAJUKAN NEGARA.

KATANYA, DIBANDINGKAN DENGAN KADAR KEMAJUAN ANTARA NEGARA-NEGARA LAIN YANG SAMA MERDEKA, KEJAYAAN MALAYSIA ADALAH LEBEH JAUH KEDEPAN, TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR BERHARAP GULONGAN YANG SELAMA INI TIDAK MAHU MENGAKUI HAKIKAT TERSEBUT AKAN MENYEDARI KEJAYAAN NEGARA INI YANG SEBENARNYA.

BELIAU JUGA BERHARAP KERAJAAN PAHANG AKAN MEMBUKA LEBEH LUAS PINTUNYA BAGI MENERIMA MASUK RAMAI RAKYAT LUAR NEGERI INI SUPAYA TURUT TERLIBAT MENJAYAKAN PEMBANGUNANNYA. -- BERNAMA 2308/LK